Panduan perkhidmatan motor yang penting daripada pengendali takaful/syarikat insurans anda

Sama seperti memakai tali pinggang keledar, mempunyai perlindungan takaful atau insurans motor yang sesuai sangat penting untuk anda melalui pengalaman memandu yang lebih baik. Memastikan ketenangan fikiran ketika berada di jalan raya bukan sahaja penting. Ia harus diutamakan.

Ini adalah senarai perkhidmatan yang anda patut pertimbangkan apabila memilih pengendali takaful atau syarikat insurans motor.

Mudah alih dan atas talian

Cari solusi digital seperti laman web atau aplikasi bimbit yang memudahkan urusan seperti pengfailan tuntutan serta pengurusan polisi atau siji. Akses atas talian membolehkan anda menguruskan urusan takaful atau insurans anda di mana-mana dan pada bila-bila masa.

Pengalaman digital yang lancar

Pilihlah pengendali takaful atau syarikat insurans yang menawarkan pengalaman digital yang lancar, menghubungkan semua pihak yang terlibat dalam proses tuntutan. Bayangkan satu sistem di mana bengkel menerima butiran tuntutan anda secara elektronik, anda mendapat perkembangan pada masa nyata (‘real-time’) berkenaan perkembangan pembaikan, dan pengendali takaful atau syarikat insurans anda menguruskan pembayaran secara langsung – semuanya melalui platform atas talian yang mesra pengguna.

Pendekatan bersepadu ini memastikan komunikasi yang jelas, ketelusan, kecekapan, dan juga memudahkan proses untuk semua yang terlibat.

Panduan Ot-to 1

Bank Negara Malaysia (BNM) telah menyarankan pengendali takaful dan syarikat insurans am untuk meningkatkan hasil serta pengalaman yang dilalui para pelanggan ketika membuat tuntutan, dengan melangkah ke arah digital. Ini selari dengan aspirasi yang telah digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan Bank 2022-2026.

INSURANCE / TAKAFUL
Accept
Ot-to

Pilihan perlindungan yang direka khas

Semua pemandu tak serupa, sama juga dengan keperluan takaful atau insurans mereka. Untuk mengatasi isu ini, pengendali takaful atau syarikat insurans menawarkan pelbagai jenis produk untuk anda. Sama ada anda memerlukan perlindungan komprehensif untuk ketenangan fikiran atau polisi lebih asas seperti liabiliti pihak ketiga, semestinya ada pilihan yang sesuai dengan bajet dan toleransi risiko anda.

Banyak pengendali takaful atau syarikat insurans juga membenarkan anda melakukan penyesuaian pada perlindungan anda melalui pilihan tambahan. Ini mungkin termasuk:

- **Cermin depan/belakang, bumbung matahari dan tingkap**
- **Kemalangan diri**
- **Peril khas**
- **Aksesori kereta**
- **Mogok, rusuhan atau kekecohan awam (SRCC)**
- **Liabiliti dari segi undang-undang terhadap penumpang (LLTP)**
- **Liabiliti penumpang di sisi undang-undang (LLOP)**
- **Tempat duduk kereta kanak-kanak (kecurian)**
- ***Smart key* (kerosakan dan kecurian)**
- **Pengecualian untuk penambahbaikan (alat-alat ganti baru dan cat semula)**
- **Rebat tunai untuk pandu kurang (Cash rebate for driving less)**
- **Pampasan untuk kehilangan penggunaan (CLU)**
- **Pampasan untuk tempoh pembaikan yang dianggarkan (CART)**

Bantuan 24/7 di hujung hari anda

Dengan sokongan khidmat pelanggan 24/7, dapatkan bantuan dengan satu panggilan telefon atau satu klik sahaja. Kebanyakan pengendali takaful atau syarikat insurans menyediakan talian khidmat pelanggan (‘hotlines’) yang boleh menghubungkan anda dengan bantuan tepi jalan, perkhidmatan menunda, dan juga rujukan perubatan kecemasan. Perkhidmatan bernilai sebegini memastikan anda tidak keseorangan atau hilang arah ketika menangani situasi yang sukar.

Bantuan tepi jalan di mana-mana, bila-bila masa

Sekiranya berlaku kerosakan, tayar pancit, atau bateri telah mati, pengendali takaful atau syarikat insurans anda akan menghantar trak tunda ke lokasi anda, selalunya secara percuma jika ia dalam had polisi atau sijil anda.

Sesetengah pengendali atau syarikat juga akan menawarkan khidmat pembaikan atau pembetulan di tapak (‘on-site’) untuk isu-isu kecil supaya anda dapat kembali memandu di jalan raya dengan segera. Bukan saja anda tidak perlu bersusah payah mencari khidmat menunda, tetapi anda juga akan mendapat khidmat pihak yang profesional dan berkelayakan untuk menangani situasi tersebut.

Panduan Ot-to 2

Perkhidmatan Bantuan Kemalangan (‘Accident Assist’) boleh membantu anda dengan:

- Talian bantuan: 24 jam, 7 hari seminggu.
- Membimbing anda untuk mendapatkan perkhidmatan daripada bengkel yang diluluskan.
- Membekalkan maklumat dan menjawab soalan asas atau pertanyaan yang lazim berkenaan tuntutan takaful atau insurans motor.
- Rujuk kepada talian bantuan pelanggan pengendali takaful/syarikat insurans anda masing-masing.



Rangkaian bengkel yang boleh dipercayai

Mencari bengkel pembaikan yang bereputasi baik selepas terlibat dalam kemalangan boleh mendatangkan stres. Banyak pengendali takaful dan syarikat insurans yang mempunyai rangkaian bengkel yang diluluskan. Bengkel-bengkel ini menggunakan prosedur-prosedur membaiki mengikut garis panduan pengeluar dan pihak berkuasa, justeru memastikan kereta anda dipulihkan kembali dalam keadaan yang paling mirip dengan sebelum kemalangan/kehilangan berlaku.

Penyerahan dan pemprosesan tuntutan yang efisien

Pastikan anda rujuk dengan pengendali takaful/syarikat insurans anda mengenai proses tuntutan mereka, barulah tentukan sekiranya ia sesuai dengan anda. Proses-proses yang telah diselaraskan dan diperkemas akan mengurangkan kesulitan untuk anda, membolehkan anda kembali memandu di jalan raya dengan penangguhan yang minimum.

Panduan Ot-to 3

Antara 2023 dan 2024, kebanyakan syarikat insurans dan pengendali takaful telah dilengkapi dengan solusi Bantuan Tepi Jalan Digital (DRA) melalui laman web dan aplikasi mudah alih.

Pendekatan mesra digital

Industri takaful dan insurans motor di Malaysia sentiasa berkembang. Untuk kekal kompetitif, banyak pengendali takaful dan syarikat insurans motor telah memperkenalkan solusi inovatif yang memberi manfaat kepada para pemandu.

Jalan PJU 3/49
Jalan PJU 3/47
Jalan PJU 3/39
Jalan PJU 3/45
Jalan PJU 3/44
Jalan PJU 3/42
Jalan PJU 3/39
Jalan PJU 3/40
Kota Damansara

Your Tow Truck Is Arriving In
1 min

- **Bantuan Tepi Jalan Digital (DRA)** sedang mengubah kaedah memberi bantuan, menawarkan cara yang lebih pantas dan mudah dalam kes kecemasan. Cuba bayangkan anda boleh meminta bantuan tepi jalan hanya dengan beberapa klik sahaja di telefon pintar anda!



- **Proses automasi** akan memperkemas tugasan dalam pejabat ('back-office'), sekaligus menjadikan proses tuntutan lebih cepat dan cekap untuk para pemandu, pengendali takaful dan syarikat insurans.

Ke arah perjalanan takaful dan insurans yang saling berpautan

Dengan mengutamakan perkhidmatan mustahak dan solusi progresif ini, anda boleh memastikan pengendali takaful atau syarikat insurans anda mempunyai kelengkapan untuk memenuhi keperluan anda sekarang dan untuk masa hadapan. Dengan sokongan yang mencukupi ini, anda boleh memandu atau menunggang dengan yakin kerana anda tahu anda ada perlindungan dan bantuan yang mencukupi sepanjang perjalanan!

Kepantasan

Ketelusan

Pengalaman Pelanggan Yang Transformatif

Jom
LEVEL UP
Your Motor Insurance & Takaful Knowledge

Artikel ini adalah sebahagian daripada kempen 'Jom, Level Up' di bawah Liberalisasi Secara Berperingkat 2.0, Program Pendidikan Pengguna (CEP), oleh Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan Malaysian Takaful Association (MTA).

Penafian: Maklumat-maklumat yang diberikan adalah untuk pengetahuan umum sahaja. PIAM dan MTA tidak membuat sebarang perwakilan atau jaminan berkenaan maklumat-maklumat ini, termasuk dan tidak terhad pada apa-apa perwakilan atau jaminan berkenaan dengan kesesuaian bagi tujuan tertentu bagi maklumat tersebut sejauh mana yang dibenarkan dari sisi undang-undang-undang. Meskipun usaha-usaha sudah dilaksanakan untuk memastikan maklumat yang diletakkan dalam artikel ini adalah tepat, boleh dipercayai dan lengkap ketika tempoh penulisan, maklumat yang diberikan dalam artikel ini tidak sepatutnya diberi kebergantungan untuk membuat sebarang keputusan berkaitan kewangan, pelaburan, hartanah atau undang-undang. Tambahan lagi, maklumat ini tidak sepatutnya menggantikan nasihat daripada individu professional terlatih yang boleh mempertimbangkan fakta dan situasi peribadi anda, dan kami tidak menanggung sebarang liabiliti jika anda menggunakan maklumat ini untuk membuat sebarang keputusan.

Jom
LEVEL UP

Ikuti Kami

@PersatuanInsuransAmMalaysia
@MalaysianTakafulAssociation

@piam_malaysia
@malaysiantakafulassociation

Pautan

Tentang Kami
Topik
Polisi Peribadi

Peraduan
Terma-terma Penggunaan
Penafian

Jom, Level Up dibawakan oleh PIAM dan MTA. | Hap Cipta © 2024. Hak cipta terpelihara.